

# Amanah Harian

UNTUK AHLI SAHAJA

MUAT TURUN &  
DAPATKAN SEGERA  
SETIAP HARI  
 PARTI AMANAH NEGARA



**Saya sudah maafkan Tun, kata Anwar**



**GST sifar mulai 1 Jun**



**MS 3**

**ROS luluskan pendaftaran Pakatan Harapan**

**MS 4**

**SPRM wajar di bawah Parlimen**

## BERI PELUANG TUN MAHATHIR MEMIMPIN



**GAMBAR**  
Anwar memberikan ucapannya yang pertama selepas bebas dari penjara. Ribuan penyokong berkumpul mendengar ucapan itu sambil mengibarkan bendera Malaysia.

Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim malam tadi mengingatkan rakyat agar memberi peluang dan ruang kepada kepimpinan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad untuk membentuk dan memimpin kerajaan.

"Ini era menegakkan keadilan. Kita sudah pilih dan patut bagi ruang penuh kepimpinan Tun Mahathir untuk mengendalikan negara.

"Azizah (Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail) sebagai timbalan menteri dan menteri kanan dan menteri kabinet mereka harus diberi peluang menjalankan tugas dengan baik.

"Jika ada kekurangan kita tegur mereka. Jika mereka bermewah lebihlebih kita 'terajang' mereka. Ini yang dikatakan kuasa rakyat kerana diberi mandat untuk membela rakyat," ujarnya.

MARHABAN YA RAMADHAN

### SELAMAT MENUNAIKAN IBADAH PUASA RAMADHAN 1439H

Jika tiba bulan Ramadhan, maka dibuka pintu-pintu syurga dan ditutup pintu-pintu neraka dan dibelenggu semua syaitan (HR. Bukhari dan Muslim).



# Anwar kini dalam 'Top 6' Majlis Presiden PH

MAJLIS Presiden Pakatan Harapan hari ini mengumumkan Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim menganggotai barisan Majlis Presiden PH.

Menurut Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad Majlis Presiden kini dianggotai enam keanggotaan (top 6).

Sebelum ini keanggotaan Majlis Presiden PH terdiri daripada lima anggota dikalangan Pengurus, Presiden dan tiga timbalan presiden yang mewakili empat parti dalam gabungan Pakatan Harapan.

Difahamkan Anwar akan kekal sebagai Ketua Umum PKR ketika berada dalam Majlis Presiden PH.

"Datuk Seri Anwar akan jadi seorang dari pada 6 orang – top 6.

"Kita menerima masuk DS Anwar ini untuk berjumpa lebih kerap dan mungkin ada

masalah mereka akan bersidang (Majlis Presiden) untuk memutuskan perkara yang penting diputuskan dengan segera," ujarnya.

Majlis Presiden yang bermesyuarat hari ini juga menetapkan Majlis Presiden akan mempunyai 22 orang ahli.

"Majlis Presiden ini ditentukan ahlinya berjumlah 22 orang iaitu tiap parti mempunyai lima orang wakil dalam Majlis Presiden termasuk dari wanita dan pemuda.

"Bagi perkara dasar akan dibawa ke mesyuarat pada Majlis Presiden yang akan bersidang setiap bulan atau lebih awal," ujarnya dalam sidang media diadakan di Ibu pejabat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) di Petaling Jaya hari ini.

Datuk Seri Anwar Ibrahim dibebaskan tanpa syarat oleh Lembaga Pengampuan Diraja semalam.



Tun M mengumumkan Anwar sebagai anggota Majlis Presiden PH dan 'Top 6' pemimpin PH.

## Mahathir terima sijil pendaf- taran PH daripada KSU KDN



Dr Mahathir menerima sijil penubuhan Pakatan Harapan selepas ianya didaftarkan oleh Pendaftar Pertubuhan (RoS).

TIDAK sampai 24 jam tular Pakatan Harapan (PH) telah diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS), pagi ini, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Datuk Seri Alwi Ibrahim telah hadir ke pejabat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (bersatu) untuk menyerahkan sijil itu kepada Pengurus PH Tun Dr Mahathir Mohamad.

Ia diserahkan dihari Majlis Presiden PH mengadakan mesyuaratnya di Ibu Pejabat Bersatu di Petaling Jaya itu.

Penyerahan itu menjadi tumpuan kerana semua media berkumpul di situ hari ini bagi membuat liputan mesyuarat itu.

Kelmarin tular Sijil pendaftaran yang bertarikh 16 Mei 2018 itu ditandatangani oleh Ketua Pengarah RoS Surayati Ibrahim.

Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) itu, yang dinamakan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Menteri Dalam Negeri, berkata permoncongan PH sebagai parti gabungan dilulus-

kan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) hari ini.

Malam tadi, Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyidin Yassin mengumumkan PH kini adalah gabungan parti politik yang sah, terdiri Parti Keadilan Rakyat (PKR), DAP, Parti Amanah Negara (AMANAH) dan Bersatu.

"Pada malam ini saya ingin umumkan sebagai Menteri Dalam Negeri, suatu keputusan yang telah lama kita tunggu-tunggu, walaupun tanpa penglibatan saya kerana saya belum mengangkat sumpah, tetapi tindakan dilakukan melalui peringkat Ketua Setiausaha Kementerian yang telah memaklumkan bahawa pendaftaran Pakatan Harapan telah diluluskan hari ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Himpunan Merdeka Rakyat bagi meraikan pembebasan Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Padang Timur, malam tadi.



Anwar berkata sesuatu kepada Presiden Amanah, Mohamad Sabu dalam majlis di Padang Timur kelmarin.

## Saya sudah maafkan Tun, kata Anwar

KETUA Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menganggap krisis yang berlaku antara beliau dan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai cerita lama antara mereka.

"Itu cerita lama lah.

"Ada pemimpin tertinggi bertanya kepada saya, 'Anwar, pandang saya dan beritahu anda sudah maafkannya (Tun Mahathir).

"Saya pandang dia, dan saya cakap, keutamaan saya adalah negara dan saya sudah maafkan Tun," kata Anwar dalam sidang media kediambannya di Bukit Segambut, ketika ditanya sejauh mana keikhlasannya memaafkan Perdana Menteri ke-7 itu.

Tambah Anwar lagi, Tun Mahathir

telah membuktikan betapa katanya akan dikotakan, dan tiada sebab untuk terus bermusuhan dengan mentornya itu.

"Beliau berjuang dan bersusah payah dengan satu niat mahu memulihkan negara. Malah beliau juga membantu dalam pembebasan saya."

"Jadi kenapa saya perlu menyimpan dendam?" tenang sahaja pertanyaan itu diluhukan.

Ditanya perancangan yang dibuat untuk kembali ke arena politik, Anwar berkata beliau tidak pernah meninggalkan bidang politik.

"Saya tak pernah tinggalkan politik. Ya, memang sebelum ini pembabitan saya terhad, tapi saya tidak pernah ke mana-mana," katanya.

# Tun M Menteri Pendidikan, Wan Azizah Menteri Wanita dan Kebajikan

**P**ERDANA Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini menamakan dua lagi menteri kabinet utama kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Beliau sendiri akan memegang portfolio Menteri Pelajaran manakala Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail menyandang jawatan menteri di Kementerian Wanita dan Kebajikan.

Pengerusi PH itu berkata, buat masa ini hanya lima kementerian ditentukan dan akan mengadakan angkat sumpah jika mendapat persetujuan pihak Istana Negara.

"Kita akan mengangkat sumpah pada Isnin, jika dapat persetujuan istana. Saya telah tentukan lima kementerian sahaja dan kita akan lantik lagi lapan kementerian akan diumumkan kemudian."

"Kita nak membentuk 13 kementerian utama untuk mencukupi jumlah semua 25 kabinet," ujarnya yang tidak menyebut portfolio tambahan kepada tiga kementerian tersebut yang sebelum ini

hanya 10 kementerian utama.

Barisan kepimpinan utama PH yang hadir pada Mesuarat Pertama Majlis Presiden PH selepas menang pilihan raya umum ke -14 baru-baru ini.

Jelasnya lagi lapan kabinet itu setiap parti hanya akan diwakili dua menteri sahaja.

"Ia tidak menunjukkan kekuatan parti ada parti mana yang lebih ramai dan kurang (kerusi)," ujarnya.

Beliau bercakap pada sidang media selepas mengadakan mesyuarat Majlis Presiden PH kali pertama diadakan selepas PH membentuk kerajaan baharu pada 10 Mei lalu.

Pada 17 Mei lalu Dr Mahathir menamakan 3 portfolio utama bagi mengisi jawatan Menteri Dalam Negeri (Tan Sri Muhyiddin Yassin); Menteri Kewangan (Lim Guan Eng) dan Menteri Pertahanan (Mohamad Sabu).

Manakala baki lima lagi kementerian iaitu Pembangunan Luar Bandar, Ekonomi, Kerja Raya Multimedia Sains dan Teknologi dan; Kementerian Luar yang diumumkan sebelum ini akan dilakukan secara berperingkat sehingga kepada 15 kementerian lagi bagi melengkapkan 25 kementerian.



Tun M mengumumkan sesuatu yang menarik perhatian Presiden Amanah yang dinamakan Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu hari ini.

"Kita akan kecilkan kabinet kepada 25 tetapi mungkin di masa depan kita akan tambah

melihat kepada sokongan yang boleh didapati oleh kita," ujarnya.

## SPRM digeruni jika di bawah Parlimen, kata pensyarah

AHLI akademik berpendapat langkah yang lebih berkesan perlu diambil bagi memastikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjadi entiti yang lebih digeruni, disegani dan yang paling diyakini.

Pensyarah Kanan Fakulti Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Dr Muzaffar Syah Mallow (foto) berkata, kerajaan baharu pimpinan Pakatan Harapan boleh memberi pertimbangan untuk meletakkan agensi SPRM di bawah kuasa dan penyeliaan Parlimen.

Menurutnya, SPRM tidak harus di ba-

wah Jabatan Perdana Menteri (JPM) seperti yang dilakukan oleh kerajaan terdahulu di bawah pimpinan Barisan Nasional (BN).

"SPRM perlu menjadi betul-betul berkecuali, bebas dari sebarang pengaruh serta bersifat neutral dalam melakukan tugas mereka."

"Oleh itu, disarankan supaya SPRM tidak lagi diletakkan di bawah JPM seperti yang dilakukan pada masa kini serta tidak diletakkan di bawah mana-mana agensi kerajaan sedia ada," dipetik daripada artikelnnya di *Sinar Harian* hari ini.

Beliau berkata, Pakatan Harapan sebelum

ini telah banyak kali memberitahu dalam kempen politik untuk menjadikan agenda memerangi rasuah sebagai salah satu tumpuan utama sekiranya berjaya memerintah negara ini.

"Kini setelah memenangi PRU14 9 Mei Rabu lalu, mereka berpeluang untuk melakukan perubahan drastik dalam usaha memerangi rasuah dan salah satu cara terbaik memerangi rasuah dalam negara kita boleh dimulakan dengan membebaskan SPRM dari JPM," ujarnya.

Menegaskan cadangan untuk meletakkan SPRM di bawah Parlimen bukannya syor

baharu, Dr Muzaffar berkata, beberapa pemimpin dalam negara daripada pihak kerajaan lama, pembangkang serta daripada badan bukan kerajaan (NGO) pernah menyuarakan hal tersebut.

"Sekiranya ia masih diletakkan di bawah JPM, nescaya akan berlaku konflik kepentingan antara kedua-dua agensi terbabit serta pada masa yang sama mengundang perasaan syak wasangka orang ramai terhadap keberkesanan SPRM itu sendiri untuk melaksanakan tanggungjawab serta tugas hakiki yang diamanahkan kepada mereka," katanya lagi.

## GST pada kadar sifar mulai 1 Jun, umum Kementerian Kewangan

KEMENTERIAN Kewangan Malaysia semalam memaklumkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) akan dikenakan pada kadar sifar (0) peratus mulai 1 Jun 2018.

Ini bermakna GST secara langsung akan dimansuhkan pada 1 Jun depan dan terpakai di seluruh negara sehingga dimaklumkan kelak.

Penetapan tersebut tidak meliputi barang dan perkhidmatan yang disenjarakan di Perintah Cukai Barang dan

Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014 yang kekal dikecualikan daripada GST.

Menurut kenyataan itu lagi, semua peniaga yang berdaftar perlu mematuhi penetapan kadar sifar ini.

Pada masa yang sama peniaga yang berdaftar juga masih tertakluk kepada semua peraturan semasa yang ditetapkan antaranya berkenaan pengeluaran invois cukai, penghantaran penyata cukai di dalam tempoh bercukai yang ditetapkan dan tuntutan kredit cukai input.

Peniaga juga perlu memastikan harga barang dan perkhidmatan yang ditetapkan adalah mematuhi Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 setiap masa.

Dalam perkembangan sama hari ini Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad turut mengumumkan bahawa beliau telah mengarahkan kerajaan menghentikan kutipan GST.

Pemansuhan GST adalah sebahagian daripada manifesto kerajaan baru Pakatan Harapan yang berjanji akan melaksanakan

# GST

GOODS AND SERVICES TAX

nya dalam tempoh 100 hari.

Hari ini menandakan hari ketujuh gabungan PH berkuasa selepas ia menamatkan pemerintahan 61 tahun BN yang menerajui negara sejak kemerdekaan sehingga pilihan raya umum 9 Mei lalu.

# Mohamad seru rakyat sokong perjuangan kembalikan hak rakyat Palestin

PARTI AMANAH Negara (AMANAH) menyeru semua rakyat negara ini memperjuangkan dan menyokong perjuangan mengembalikan hak rakyat Palestin daripada terus dikuasai oleh kuasa Amerika Syarikat dan Israel.

Presidennya Mohamad Sabu melahirkan rasa simpatinya kepada rakyat Palestin apabila negara-negara Arab tidak lagi menjadi benteng menghalang kemaraan Zinois dari bumi Palestin.

"Semua rakyat negara ini diseru untuk terus membela penduduk Palestin yang menjadi pelarian dapat pulang ke tanah air mereka semula."

"Apa yang kita sedih, negara-negara Arab banyak menjadi tali barut kepada Amerika dan Israel dan bukan lagi menjadi benteng ummah bagi menghalang Zionis dari terus merampas tanah Palestin."

"Selagi dunia Arab dan umat Islam berpecah dan berperang sesama sendiri, selagi itulah Israel akan terus bermaharajalela dan mengembangkan wilayah yang mereka kuasai," ujarnya dalam kenyataan malam ini.

Mohamad yang juga Menteri Pertahanan dilantik itu dalam kepimpinan baharu ker-

jaan Pakatan Harapan, turut menyeru semua rakyat bangkit memperjuangkan dan menyokong untuk mengembalikan rakyat Palestin ke tanah air mereka semula.

"Wujudnya negara haram Israel adalah melalui rampasan tanah-tanah daripada penduduk Palestin yang berbagai agama dan keturunan."

"Peristiwa Nakbah 15 Mei 1948, memperlihatkan betapa kekejaman terbesar regim Zionis terhadap rakyat Palestin."

"Kumpulan pengganas Haganah memainkan peranan dengan merampas tanah penduduk Palestin menguasai kebun-kebun dan menghalau penduduk Palestin bermula tahun 1946 sehingga 1948 dan menubuh negara yang kemudiannya diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu."

"Perluasan wilayah oleh regim haram Israel terus merebak dengan disokong kuasa besar Amerika Syarikat dan Eropah."

"Setelah menjadikan Tel Aviv sebagai ibu negara, mereka berusaha pula menjadi Baitul Maqdis atau Jerusalem sebagai ibu negara mereka," terang beliau.

Pada Isnin Sekali lagi tentera Israel mem-

pamer kekejaman kepada dunia apabila 55 rakyat Palestin menjadi korban terbaru di sempadan Gaza dalam pertempuran yang meletus susulan perpindahan kedutaan Amerika Syarikat (AS) ke Baitulmaqdis.

Kesemua mangsa maut ditembak dalam pertempuran ganas di lima kawasan sepanjang sempadan Gaza – Israel.

Antara mangsa yang maut ialah remaja 14 tahun, manakala hampir 3,000 yang lain cedera terkena tembakan peluru hidup, peluru getah dan gas pemedih mata oleh tentera rejim.

Tunjuk perasaan membantah pemindahan kedutaan Amerika itu berjalan serentak dengan 'Perarakan Pulang Besar-Besaran' yang dirancang berlangsung enam minggu sejak 30 Mac lalu dan disifatkan paling dahsyat dalam konflik Palestin-Israel sejak Perang Gaza pada tahun 2014.

Semalam Rakyat Palestin terus berhim-pun bersempena Hari Nakba, hari di mana



**Mohamad yang dinamakan Menteri Pertahanan mahu rakyat negara ini terus membela penduduk Palestin yang menjadi pelarian agar dapat pulang ke tanah air mereka semula.**

Israel mengusir lebih 700,000 rakyat Palestin dari tanah air mereka pada 1948.

Baitul Maqdis adalah kota suci bagi semua agama samawi lebih-lebih lagi umat Islam kerana di sana terletaknya Masjidil Aqsa yang menjadi kiblat pertama umat Islam dan berlakunya pertistiwa israk mikraj Nabi Muhammad SAW.

Usaha untuk memindahkan ibu negara Israel daripada Tel Aviv ke Baitul Maqdis adalah membuktikan keangkuhan dan kesombungan regim Zionis.

## Arus demokrasi menamatkan pemerintahan BN

**PEMERINTAHAN** BN selama 61 tahun di Malaysia akhirnya tamat pada 9 Mei 2018. Tarikh keramat ini menunjukkan kuasa rakyat secara demokrasi mengatasi tipu daya BN untuk memenangi pilihan raya. Kejatuhan kerajaan BN dalam pilihan raya ini mengejutkan pelbagai pihak kerana BN kelihatan begitu kukuh dan sukar ditewaskan.

Kemenangan PH menakluki Kerajaan Persekutuan secara demokrasi adalah mencipta sejarah baharu. Meskipun, BN mempunyai pelbagai kelebihan untuk mengatasi parti lawan dengan sumber kewangan Persekutuan namun kuasa Allah Taala menaikkan dan menjatuhkan sesuatu kerajaan adalah sukar diduga. Ada juga di kalangan ahli gerakan Islam yang tidak percayakan demokrasi dan beranggapan Islam hanya boleh terte-gak dengan cara revolusi. Dengan kemenangan PH ini membuktikan kuasa sebenar adalah kuasa rakyat dan jika ianya digembeltingkan dengan jitu maka ia boleh memusnahkan pihak lawan.

Semenjak awal lagi, BN yang dibantu dengan SPR sendiri telah cuba memanipulasi keputusan pilihan raya dengan proses persempadanan semula yang memihak kepada BN. Walaupun ramai pihak yang mempertikaikan proses



persempadanan tersebut tetapi SPR telah tidak menghiraukan bantahan orang ramai. Selepas itu, SPR telah tidak berlaku adil dengan menetapkan tarikh hari mengundi pada hari Rabu yang boleh menyebabkan peratusan keluar mengundi menjadi kurang kerana hari Rabu adalah hari bekerja.

SPR juga telah menghalang gambar pimpinan PH khasnya gambar Tun Mahathir dan Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk dijadikan bahan kempen. Akhir sekali, SPR masih cuba melengah-lengahkan keputusan PRU 14 dengan ada Ketua Tempat Mengundi yang enggan memberikan Borang 14 (Penyata Pengundian Selepas Pengiraan) kepada petugas di bilik pengiraan undi. Akibatnya, keputusan penuh hanya diketahui sekitar jam 4.30 pagi.

Proses PRU 14 ini adalah sangat mencabar kerana ramai pengalisa membayangkan bahawa PH bakal mengalami

kehilangan kerana wujudnya pertandingan 3 penjurusan hampir di semua kawasan pilihan raya. Keingganan PAS untuk bersama PH telah mewujudkan cabaran baru kepada PH. PH harus merangka strategi untuk menawan hati pengundi.

Akhirnya PH telah menemui formula berkesan untuk menawan hati pengundi. Pengundi perlu diberikan harapan sehingga mereka percaya bahawa PH mampu menandingi BN. PH yang dianggotai oleh empat parti utama iaitu PPBM, PKR, DAP dan AMANAH telah bergabung tenaga bagi menjayakan misi menawan Kerajaan Persekutuan.

PH telah membuat kajian asas bahawa rakyat sungguh tidak berpuas hati dengan kesan GST dan kenaikan harga barang. Tambah memburukkan lagi keadaan adalah skandal 1MDB dan ketidakstabilan harga petrol. Maka, PH semenjak awal lagi telah merangka manifesto dan janji. Janji PH itu telah menarik perhatian ramai pengundi dan strategi pengumuman awal janji PH telah membantu orang ramai untuk memahami aspirasi PH.

Kejayaan kedua PH adalah untuk mena-makan Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri dan Datuk Seri Wan Azizah sebagai Timbalan Perdana Menteri. Strategi ini telah menambahkan keyakinan orang

ramai terhadap PH sehingga membawa kepada larangan SPR untuk menggunakan gambar Tun Mahathir sebagai bahan kempen. SPR juga bertindak tegas dengan memotong gambar Tun Mahathir dan ianya telah menjadi tular di media sosial.

PH juga telah memanfaatkan sepenuhnya teknologi komunikasi baharu seperti FB Ads dan FB Live, youtube serta aplikasi Whatsapp untuk berkempen dan tidak bergantung kepada media konvensional. Langkah ini telah berjaya mengatasi halangan SPR. Selain itu, penggunaan sistem micro targeting pengundi telah berjaya menarik pengundi dan telah berjaya mengatasi halangan SPR.

Pada peringkat akhir selepas pembubaran, kerja keras Tun Mahathir untuk menjelajah seluruh pelusuk Semenanjung menerusi program 'Jelajah PH' telah berjaya mencipta gelombang yang akhirnya menjadi suatu tsunami rakyat. Kempen Jelajah PH itu telah mendapat sambutan menggalakkan bukan sahaja di tempat ceramah diadakan bahkan melalui FB Live sehingga angka yang menontonnya telah mencapai 6 angka.

Akhirnya, seluruh rakyat Malaysia perlu bersyukur kerana berjaya menewaskan gergasi politik Malaysia. Kini rakyat Malaysia memerhatikan apakah perubahan yang bakal dibawa oleh Kerajaan PH.